

PENTAFSIRAN AKIDAH DALAM *SURAH AL-FATIHAH* MENURUT PEMIKIRAN HJ. MUHAMMAD SA'ID BIN 'UMAR

INTERPRETATION OF AQIDAH IN *SURAH ALFATIHAH ACCORDING TO THOUGHT HJ. MUHAMMAD SA'ID BIN 'UMAR*

Muhammad Yusry Affandy Md Isa

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: yusry_affandy@usim.edu.my

ABSTRAK

Tafsir Nur al-Ihsan merupakan kitab tafsir berbahasa Melayu terawal yang dicetak sempurna pada tahun 1934. Kitab ini yang ditulis oleh Hj. Muhammad Sa'id bin 'Umar (w.1932M) telah menampilkan pentafsiran *Surah al-Fatihah* sebagai pendahuluan kitab sebagaimana kelaziman kandungan kitab-kitab tafsir yang lain. Tafsir masih berbentuk umum dan memerlukan pengkajian adakah mengandungi fakta akidah dan bersesuaian untuk diamalkan dalam kerangka fahaman *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Kajian ini berobjektif untuk menjelaskan pentafsiran *Surah al-Fatihah* Hj. Muhammad Sa'id dalam fokus akidah. Seterusnya kajian berperanan menganalisis perihal akidah yang wajar dijadikan pedoman dalam kehidupan muslim. Kajian ini penting dalam membuktikan bahawa pentafsiran *Surah al-Fatihah* sentiasa konsisten dalam menjelaskan prinsip akidah yang bersesuaian dengan kandungan zahir ayatnya. Ilmu berkaitan fiqh dan tasawwuf tidaklah menjadi wadah utama pada peringkat awal pentafsiran kitab *Tafsir Nur al-Ihsan*. Kajian kualitatif ini mengaplikasikan kaedah induktif iaitu dengan cara mengenalpasti dan mengumpulkan fakta-fakta akidah daripada kandungan pentafsiran *Surah al-Fatihah*. Kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menganalisis fakta akidah dalam aspek penekanan akidah, perbandingan fakta antara sumber tafsir dan seterusnya merumuskan penekanan akidah. Dapatkan kajian menunjukkan pentafsiran *Surah al-Fatihah* mengandungi prinsip akidah yang selari dengan Rukun Iman. Keimanan kepada Allah S.W.T sentiasa ditekankan pada setiap ayat berpandukan zahir ayat dan mempunyai kesamaan dengan sebahagian kitab tafsir aliran *al-ma'thur* seperti *Tafsir Ibn Kathir* dan *Tafsir al-Tabari*. Kajian mendapati penekanan akidah adalah selari dengan ajaran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Meskipun

kaedah pentafsiran adalah sederhana tanpa perbahasan panjang, namun para pembaca tafsir berpeluang mendapat ilmu akidah yang jelas lagi sahih di sebalik pentafsiran *Surah al-Fatihah*.

Kata Kunci: Akidah, pentafsiran, *Surah al-Fatihah*, *Tafsir Nur al-Ihsan*, Hj. Muhammad Sa'id bin 'Umar.

ABSTRACT

Tafsir Nur al-Ihsan is the earliest Malay-language tafsir book that was printed in 1934. This book was written by Hj. Muhammad Sa'd bin 'Umar (d. 1932 AD) presented the interpretation of *Surah al-Fatihah* as an introduction to the book as is common with the content of other books of interpretation. The interpretation is still general and requires a study to see if it contains the facts of faith and is appropriate to be practiced within the framework of *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. This study aims to explain the interpretation of *Surah al-Fatihah* Hj. Muhammad Sa'id in focus of faith. Next, the role of the study is to analyze the beliefs that should be used as guidelines in Muslim life. This study is important in proving that the interpretation of *Surah al-Fatihah* is always consistent in explaining the principles of faith that are compatible with the apparent content of its verses. Knowledge related to fiqh and tasawwuf is not the main container in the early stages of interpreting the book *Tafsir Nur al-Ihsan*. This qualitative study applies the inductive method by identifying and gathering the facts of belief from the content of the interpretation of *Surah al-Fatihah*. The descriptive method is carried out to analyze the facts of belief in the aspect of emphasis of belief, comparison of facts between sources of interpretation and then formulate the emphasis of belief. The findings of the study show that the interpretation of *Surah al-Fatihah* contains principles of belief that are parallel to the Pillars of Faith. Belief in Allah S.W.T is always emphasized in every verse based on the appearance of the verse and has similarities with some books of *al-ma'thur* interpretation such as *Tafsir Ibn Kathir* and *Tafsir al-Tabari*. The study found that the emphasis on belief is in line with the teachings of *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Although the method of interpretation is simple without long debates, readers of tafsir have the opportunity to gain a clear and authentic knowledge of the faith behind the interpretation of *Surah al-Fatihah*.

Keywords: Interpretation, aqidah, *Surah al-Fatihah*, thought, Hj. Muhammad Sa'id bin 'Umar.

1. PENDAHULUAN

Tafsir Nur al-Ihsan merupakan sebuah kitab tafsir klasik yang ditulis oleh salah seorang ulama Kedah tersohor iaitu Hj. Muhammad Sa'id bin 'Umar (w.1932M). Hj. Muhammad Sa'id dilahirkan pada tahun 1275 Hijrah di Kampung Kuar, Jerlun, Kedah.¹ Beliau dikenali dengan panggilan Syeikh dan Haji. Panggilan ini amat sinonim pada zaman berkenaan untuk ditujukan kepada seseorang yang berilmu, beramal soleh dan mempunyai peranan penting dalam urusan agama setempat. Panggilan "Haji" digunakan ke atas nama beliau dalam naskah cetakan *Tafsir Nur al-Ihsan*.

Hj. Muhammad Sa'id merupakan salah seorang ulama negeri kedah yang berpengaruh pada zamannya. Beliau berperanan sebagai salah seorang penggerak agama Islam di Kedah dengan tugasnya sebagai kadi di Jitra, Kedah. Hj. Muhammad Sa'id berpengalaman menuntut ilmu di Pondok Bendang Daya, Patani. Beliau juga melanjutkan pengajian di Mekah.² Semasa berkelana di Mekah, dikhabarkan beliau membeli sebidang tanah berdekatan Masjid al-Haram dan membina rumah tumpangan untuk jemaah haji Tanah Melayu selain dijadikan tempat pengajaran.³

Kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* mula ditulis Hj. Muhammad Sa'id pada bulan Zulhijjah 1344 Hijrah bersamaan Januari 1925 Masihi. Kitab ini memakan masa selama 2 tahun 9 bulan dan selesai ditulis pada 4 Rabiu'akhir 1346 Hijrah bersamaan 1 Oktober 1927 Masihi, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah Ibn Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah.⁴ Walau bagaimanapun, kitab ini hanya mula dicetak selepas tujuh tahun penulisannya iaitu pada tahun 1934 Masihi. Hj. Muhammad Sa'id wafat pada tahun 1932 Masihi bersamaan 1351 Hijrah dan disemadikan di Masjid Alor Merah, Alor Setar, Kedah.

Tafsir Nur al-Ihsan terdiri daripada empat jilid. Jilid pertama mengandungi pentafsiran *Surah al-Fatiyah* sehingga *Surah al-Ma'idah*, jilid kedua bermula dengan *Surah al-An'am* sehingga *Surah Hud*, jilid ketiga bermula dengan *Surah al-Kahf* sehingga *Surah al-Zumar* dan jilid keempat bermula dengan *Surah al-Mukmin* sehingga tamat surah al-Qur'an. Pada akhir setiap jilid, pengarang menyediakan indeks bagi memudahkan pembaca mengesan tajuk-tajuk yang telah dibincangkan dalam setiap

¹ Zulkifli Hj Mohd Yusoff & Hamza Muhammad (2005). *Biografi Haji Muhammad Said dan Sejarah Penulisan Tafsir Nur al-Ehsan*. Universiti Malaya: Al-Bayan: Journal of al-Quran & al-Hadith, 66.

² Wan Mohd Shaghir Abdullah (2009). *Koleksi ulama Nusantara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 190.

³ *Ibid.*, 68.

⁴ Muhammad Sa'id bin 'Umar, Hj (1934). *Tafsir Nur al-Ihsan*. Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdiy wa Auladih, 1.

surah dan juzuk.

Tafsir Nur al-Ihsan memulakan penulisan dengan mengemukakan bab mukadimah. Selanjutnya pentafsiran dimulakan dengan bab *Surah al-Fatihah* sebagaimana yang sering diamalkan dalam kitab-kitab tafsir ulung. Pentafsiran *Surah al-Fatihah* dimuatkan dalam dua halaman sahaja. Setiap ayat ditafsirkan dalam keadaan sederhana tanpa mengaitkan perbahasan aspek Bahasa Arab, khilaf aliran akidah dan dalil *al-ma'thur*.

Kitab ini dikenali sebagai antara kitab tafsir terawal yang dicetak sempurna dan telah berjaya diterbitkan pada tahun 1934. Menurut Mohd Nazri dan Mohd Faizulamri (2018), terdapat pendapat yang menyatakan *Tafsir Nur al-Ihsan* telah diterbitkan lebih awal iaitu pada tahun 1927.⁵ Mengikut sebahagian pengkaji, tafsir al-Quran klasik yang lengkap tiga puluh juzuk yang tersebar menggunakan media cetak hanya dua buah saja, iaitu *Turjuman al-Mustafid* oleh Syeikh ‘Abdul Rauf bin ‘Ali al-Fansuri (abad ke 16-17 M), dan sebuah lagi ialah *Tafsir Nur al-Ihsan* oleh Hj. Muhammad Sa’id bin ‘Umar. Pengkaji seperti Wan Mohd Shaghir Abdullah menyebut *Tafsir Nur al-Ihsan* adalah kitab tafsir Melayu pertama yang ditulis secara lengkap lagi tersusun 30 juzuk al-Quran.⁶

Penekanan perihal akidah begitu ketara dalam pentafsiran *Surah al-Fatihah* yang terkandung pada permulaan *Tafsir Nur al-Ihsan*. Ini dapat dilihat pada setiap ayat surah tersebut. Hj. Muhammad Sa’id banyak mentafsirkan dalam bentuk makna yang umum berdasarkan kalimah zahir ayat tanpa semata-mata terikat dengan kaedah pentafsiran berdasarkan sokongan dalil khusus. Dalam konteks ini, terdapat kaedah tafsir dengan makna umum yang dipersetujui majoriti ulama⁷ :

العبرة بعموم اللفظ لا بخصوص السبب

Maksudnya: *Pengajaran adalah berasaskan keumuman lafaz, bukan atas faktor penurunan ayat.*

⁵ Ismail Yusof (1995). *Perkembangan Pengajian dan Penulisan Tafsir di Malaysia*. Tesis doktor falsafah. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. 46.

⁶ Mohd Nazri Ahmad & Mohd Faizulamri Mohd Saad (2018). *Metodologi Muhammad Sa’id Umar Terhadap Periwayatan Hadith-Hadith Asbab al-Nuzul Dalam Tafsir Nurul Ihsan*. Jurnal al-Turath. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.13.

⁷ Al-Razi, Fakhruddin Muhammad bin Umar bin Husain (2014). *al-Mahshul fi ‘Ilm Ushul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 3, 125.

Timbul kemosyikilan apakah pentafsiran *Surah al-Fatihah* menekankan pelbagai jenis ilmu. Berdasarkan kajian ini, Hj. Muhammad Sa'id lebih memfokuskan pentafsiran dalam aspek akidah berbanding fiqh dan tasawwuf. Penulis merumuskan pendekatan beliau adalah bertujuan supaya para pembaca kalangan orang awam dapat memahami tuntutan akidah terlebih dahulu sebelum kandungan al-Quran selanjutnya sesuai dengan maksud *Surah al-Fatihah* itu sendiri. Dalam pada itu, aspek ilmu tasawwuf ada sedikit disentuh seperti dalam kandungan pentafsiran ayat ke-6 *Surah al-Fatihah*.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini berobjektif untuk menjelaskan pentafsiran *Surah al-Fatihah* Hj. Muhammad Sa'id dalam fokus akidah. Seterusnya kajian berperanan menganalisis perihal akidah yang wajar dijadikan pedoman dalam kehidupan muslim.

Kajian ini mengaplikasikan kaedah induktif sebagai kaedah utama. Inisiatif untuk mengenalpasti dan mengumpulkan fakta-fakta akidah telah dilakukan terhadap kandungan pentafsiran *Surah al-Fatihah*, *Tafsir Nur al-Ihsan*. Seterusnya kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menganalisis fakta akidah dalam aspek penekanan akidah, perbandingan fakta antara sumber tafsir dan seterusnya merumuskan penekanan akidah. Sumber maklumat sampingan kajian turut diperolehi daripada bahan manuskrip, buku-buku ilmiah, artikel dan media elektronik.

3. KAJIAN LEPAS

Kajian lepas lebih banyak mengetengahkan biografi Hj. Muhammad Sa'id dan kandungan umum kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* berbandingan kajian akidah dalam pentafsiran. Dalam konteks biografi pengarang, kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* ada memuatkan catatan Hj. Muhammad Sa'id sendiri mengenai sebahagian latar belakang dan hala tuju tafsirnya. Menerusi tajuk mukadimah, beliau menegaskan keperluan berpegang dengan Rukun Iman, Rukun Islam dan tuntutan syariat yang diturunkan menerusi risalah al-Quran.⁸

Wan Mohd Shaghir Abdullah (2009) dalam buku bertajuk *Koleksi Ulama Nusantara* mengumpulkan data-data penting mengenai biografi Hj. Muhammad Sa'id. Buku ini boleh dianggap sebagai ensiklopedia utama dalam mengenali pelbagai tokoh Nusantara dan latar kitab klasik. Buku ini tidak ketinggalan dalam mengemukakan data berhubung sejarah kehidupan Hj. Muhammad Sa'id, perguruan dan pengenalan *Tafsir*

⁸ Muhammad Sa'id bin 'Umar, Hj (1934). *Tafsir Nur al-Ihsan*. Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdiyah wa Auladih, 1, 2-3.

Nur al-Ihsan.⁹ Namun aspek kaedah pentafsiran seluruh kitab tidak dijadikan sebagai perbincangan dalam buku tersebut. Wan Mohd Shaghir (2009) menyatakan Hj. Muhammad Sa'id mempunyai hubungan yang baik dengan pihak istana. Kitab tafsirnya mendapat pujian dan sokongan untuk disebarluaskan di pusat pengajian pondok di Kedah.

Mohd Sholeh (2014), telah menjalankan kajian di peringkat pengajian doktor falsafah untuk mengesan dan memperlihatkan pengaruh sumber teks luar yang terdapat dalam teks *Tafsir Nur al-Ihsan*. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat sebelas buah karya yang telah mempengaruhi intipati teks *Tafsir Nur al-Ihsan*, iaitu *Tafsir al-Jalalyn*, *Tafsir al-Jamal*, *Tafsir al-Baydawi*, *Tafsir al-Khazin*, *Tafsir al-Baghawi*, *Tafsir al-Tabari*, *Tafsir al-Qurtubi*, *Tafsir al-Razi*, *Tafsir al-Nasafi*, *Tafsir Ibn Kathir* dan *Tafsir al-Tha'labi*. Dapatkan analisis juga membuktikan bahawa karya yang mendominasi Teks *Tafsir Nur al-Ihsan* ialah *Tafsir al-Jalalyn*, manakala prinsip kaedah bacaan intertekstual yang paling kerap teraplikasi ialah kaedah paralel.¹⁰

Mohd Sholeh (2014) meneruskan kajian terhadap kandungan pentafsiran *Tafsir Nur al-Ihsan*. Menerusi penghasilan artikel bertajuk *Pengaruh Tafsir al-Baghawi dalam Tafsir Nur al-Ihsan: Satu Pendekatan Genetik* menegaskan pengarang *Tafsir Nur al-Ihsan* tidak menyatakan sumber rujukannya dalam menyempurnakan fakta pentafsiran. Artikel mendapati *Tafsir Nur al-Ihsan* mempunyai pengaruh khusus daripada *Tafsir al-Baghawi*. Dapatkan analisis membuktikan bahawa terdapat lima cara ambilan teks yang dipetik daripada *Tafsir al-Baghawi* ketika menghasilkan karyanya iaitu menukil teks secara sejajar, menukil teks secara abstrak, menggugurkan sebahagian kalimah yang terdapat dalam teks yang diambil daripada *Tafsir al-Baghawi*, menambah huraian dalam teks yang diambil dan menyanggah sebahagian teks yang dirujuk.¹¹

Contoh artikel yang mengetengahkan perbincangan pentafsiran *Tafsir Nur al-Ihsan* ialah seperti yang dihasilkan Rabiah Abdul Rahman *et. al.* (2019) dan Mohd Nazri (2018). Kajian Rabiah Abdul Rahman *et. al.* (2019) merumuskan Hj. Muhammad Sa'id mengaplikasikan metodologi tafsir berdasarkan *tafwidh* dan *ta'wil* dalam mentafsirkan ayat-ayat *mutashabihat*. Ini kerana Hj. Muhammad Sa'id adalah seorang ulama yang beraliran 'Ashairah yang cenderung mentafsirkan ayat-ayat sifat dengan makna bukan zahir. Menurut pengkaji, *Tafsir Nur al-Ihsan* bersesuaian dengan persekitaran mazhab akidah yang sedia difahami masyarakat Nusantara. Di samping

⁹ Wan Mohd Shaghir Abdullah (2009). *Koleksi ulama Nusantara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

¹⁰ Mohd Sholeh Sheh Yusuff (2014). *Tafsir Nur al-Ihsan oleh Syeikh Muhammad Sai'd: Suatu Kajian Bandingan*. Tesis doktor falsafah. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

¹¹ Mohd Sholeh Sheh Yusuff (2014). *Pengaruh Tafsir al-Baghawi Dalam Tafsir Nur al-Ihsan: Satu Pendekatan Genetik*. Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

itu, kitab ini muncul menjadi salah satu rujukan utama Bahasa Melayu kepada masyarakat di Tanah Melayu di dalam memahami isi kandungan al-Quran.¹²

Mohd Nazri Ahmad bersama Mohd Faizulamri (2018) mengkaji kaedah penerapan *asbab al-nuzul* dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*. Hasil kajian mendapati Hj. Muhammad Sa'id hanya merujuk dua kitab sahaja dalam menukilkan riwayat-riwayat *asbab al-nuzul* iaitu *Tafsir al-Jalalayn* dan *al-Futuhat al-Ilahiyyah* atau lebih dikenali dengan *Hashiyah al-Jamal*. Kajian ini juga mendapati terdapat 172 riwayat-riwayat *asbab al-nuzul*, 68 daripadanya adalah *sahih* dan 104 adalah *dha'if*.¹³ Kajian ini membuktikan *Tafsir Nur al-Ihsan* turut memuatkan ilmu penting daripada perbincangan '*Ulum al-Quran* meskipun kandungan pentafsiran tidaklah begitu luas.

4. ASPEK UTAMA PENTAFSIRAN BERASASKAN PENEKANAN AKIDAH

Pentafsiran *Surah al-Fatihah* menyentuh aspek akidah dalam setiap ayat. Aspek utama akidah dapat dikesan menerusi kenyataan utama Hj. Muhammad Sa'id dalam pentafsiran dan kupasan lanjut seperti berikut:

4.1 Pentafsiran Ayat bertemakan Tauhid Kepada Allah S.W.T.

Ayat 1 *Surah al-Fatihah*:

Firman Allah S.W.T.:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ [الفاتحة: ١]

Maksudnya: *Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.*

Pengarang menyatakan segala makna *Surah al-Fatihah* adalah tersirat dalam ayat pertama ini. Ini kerana segala firman Tuhan dalam al-Quran bermula dengan huruf *ba'* pada pangkal ayat. Makna lanjutan daripada ayat pertama *Surah al-Fatihah* ialah dimulakan al-Quran dengan nama Allah selaku Tuhan Yang Maha Esa lagi Maha Benar, nama-nama dan sifat-sifat kemuliaan-Nya. Dialah Tuhan yang perlu diketahui sebagai Tuhan Maha Pencipta dan Tuhan Maha Berkehendak.¹⁴

¹² Rabiah Abdul Rahman, Kauthar Abd. Kadir & Abdulloh Salaeh (2019). *Metodologi Syeikh Muhammad Said Bin Umar Dalam Mentafsirkan Ayat Mutashabihat di Dalam Kitab Tafsir Nur Al-Ihsan: satu kajian analisa*. Jurnal Sains Insani. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

¹³ Mohd Nazri Ahmad & Mohd Faizulamri Mohd Saad (2018). *Metodologi Muhammad Sa'id Umar Terhadap Periwayatan Hadith-Hadith Asbab Al-Nuzul Dalam Tafsir Nurul Ihsan*. Jurnal al-Turath. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹⁴ Muhammad Sa'id bin 'Umar, Hj (1934). *Tafsir Nur al-Ihsan*. Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdiy wa Auladih, 1, 5.

Hj. Muhammad Sa'id mentafsirkan ayat pertama *Surah al-Fatiyah* ini pada bahagian akhir pentafsiran dan bukannya pada awal pentafsiran *Surah al-Fatiyah*. Pentafsiran yang lanjut mengenai nama Allah iaitu *al-Rahman* dan *al-Rahim* disentuh secara khusus dalam pentafsiran ayat ketiga.

Ayat 2 *Surah al-Fatiyah*:

﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ﴾ [الفاتحة: 2]

Maksudnya: *Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.*

Ayat kedua ini menjadi pendahuluan dalam mentafsirkan *Surah al-Fatiyah*. Hj. Muhammad Sa'id mentafsirkan¹⁵:

Segala puji-pujian itu bagi Allah Tuhan yang menjadikan sekalian alam daripada manusia dan jin dan malaikat dan segala bintang darat dan laut dan langit bumi dan lainnya.

Penekanan akidah dinyatakan dalam huraian ringkas bahawa Allah S.W.T. merupakan Tuhan yang menciptakan sekalian alam. Beliau menyentuh penciptaan Ilahi termasuk alam yang didiami manusia dan alam yang tidak dapat dilihat pancaindera manusia.

Ayat 3 *Surah al-Fatiyah*:

﴿الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ﴾ [الفاتحة: 3]

Maksudnya: *Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.*

Pentafsiran tertumpu pada aspek kalimah *al-Rahman* dan *al-Rahim*. *Al-Rahman* merupakan nama Allah S.W.T. yang membawa maksud Tuhan Yang Maha Pemurah di dalam mengatur pemberian nikmat di dunia. *Al-Rahim* merupakan nama Allah S.W.T. yang membawa maksud Tuhan Yang Maha Pengasih kepada hamba-hamba-Nya yang beriman di alam akhirat.¹⁶

¹⁵ Muhammad Sa'id (1934). *op.cit*, 1, 5.

¹⁶ Muhammad Sa'id (1934). *op. cit*, 1, 5.

Ayat 4 Surah al-Fatihah:

﴿مَلِكٌ يَوْمَ الْدِينِ﴾ [الفاتحة: 4]

Maksudnya: *Yang Menguasai pemerintahan hari pembalasan (hari akhirat).*

Pentafsiran tertumpu pada aspek kepercayaan di alam akhirat. Hj. Muhammad Sa'id mentafsirkan¹⁷:

Tuhan yang memiliki hari balasan iaitu Hari Kiamat kerana tiada memiliki padanya melainkan Allah semata-mata.

Dalam mengukuh kefahaman akidah, Hj. Muhammad Sa'id mengulas perbezaan pihak yang berkuasa di dunia berbanding status Allah S.W.T. sebagai penguasa sebenar. Beliau menyatakan¹⁸:

Dan adapun pada dunia maka pada zahir ada memiliki raja-raja maka pada hakikatnya tiada yang memiliki dunia dan akhirat melainkan Allah semata-mata.

4.2 Pentafsiran Ayat bertemakan Fokus Ibadat dan Permohonan Multak Hanya Kepada Allah S.W.T.

Ayat 5 Surah al-Fatihah:

﴿إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ﴾ [الفاتحة: 5]

Maksudnya: *Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.*

Hj. Muhammad Sa'id memtafsirkan ayat ini pada dua bahagian. Bahagian pertama; *iyyaka nu'udu* membawa makna bahawa Allah sahajalah Tuhan yang disembah dalam segenap 'ubudiyah atau ibadah seperti solat, puasa, zakat dan haji serta segala ibadah yang dituntut dalam kehidupan. Tiada ibadat ditujukan selain daripada Allah S.W.T.¹⁹

Pada bahagian kedua; *iyyaka nasta'in* membawa maksud dalam setiap permintaan, hajat dan pegangan iktikad perlu dilaksanakan hanya kepada Allah S.W.T.

¹⁷ Muhammad Sa'id bin 'Umar, Hj (1934). *Tafsir Nur al-Ihsan*. Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdiyah wa Auladih, 1, 5.

¹⁸ *Ibid*, 5.

¹⁹ Muhammad Sa'id (1934). *op. cit*, 1, 5.

Pada bahagian ayat ini, Hj. Muhammad Sa'id mengulas panjang dalam aspek akidah berbanding ayat *Surah al-Fatiyah* yang lain. Beliau menekankan dalam memohon kepada Allah S.W.T., seseorang itu perlu secara mutlak mempunyai tauhid, perasaan takut, bersungguh-sungguh mengharap natijah dan mengemukakan permohonan dengan penuh ikhlas.²⁰ Perkara ini turut dibuktikan dengan banyak mengingati Allah S.W.T. menerusi zikir lisan dan hati pada sepanjang masa. Di samping menyentuh aspek akidah, pentafsiran ayat ini juga telah menyentuh aspek tasawwuf. Beliau menyatakan bahawa kesan daripada memahami tuntutan ayat maka hati akan menjadi bersih dan layak dianugerahkan perlindungan Tuhan.²¹

Hj. Muhammad Sa'id mengemukakan sepotong ayat al-Quran sebagai dalil mengenai bahaya memiliki hati yang mati²²:

وَلَكِنْ تَعْمَى الْفُلُوبُ

Ayat ini disertakan tanpa terjemahan. Ayat ini diambil daripada ayat di bawah, firman Allah S.W.T.:

﴿أَفَمَنْ يَسِيرُ وَفِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ إِذَا نُسِمِعُونَ بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَرُ
وَلَكِنْ تَعْمَى الْفُلُوبُ الَّتِي فِي الْأَصْدُورِ﴾ [الحج: 46]

Maksudnya: *Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya dengan melihat kesan-kesan yang tersebut mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (Tetapi kalaular mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.*

Beliau terus mentafsirkan dengan aspek tasawwuf pada hujung pentafsiran ayat 5 *Surah al-Fatiyah*. Beliau menegaskan bahawa gejala hati buta ialah kerana banyak melakukan dosa dalam percakapan dan gemar melakukan maksiat. Wajar untuk memastikan hati kembali bersih daripada noda kehitaman dengan mengamalkan *zikr Allah* (mengingati nama dan ajaran Tuhan). Hati yang bersih ialah hati yang memahami tuntutan ayat ini. Itulah hati yang dimiliki para wali.²³

²⁰ Ibid, 1, 5.

²¹ Ibid, 1, 5.

²² Ibid, 1, 5.

²³ Ibid, 1, 5.

4.3 Pentafsiran Ayat bertemakan Kepentingan Berpegang Dengan Akidah Yang Benar

Ayat 6 *Surah al-Fatiyah*:

[٦] ﴿أَهَدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ﴾ [الفاتحة: ٦]

Maksudnya: *Tunjukilah kami jalan yang lurus.*

Hj. Muhammad Sa'id menyatakan bahawa ayat ini menuntut agar orang yang beriman perlu memohon jalan yang benar. Mereka juga perlu memohon kepada Allah S.W.T. agar ditambah lagi hidayah atau paling kurang tetap kekal di atas petunjuk agama Islam.²⁴ Tafsiran ini membawa maksud umat Islam biarpun telah mengaku sebagai umat yang beriman namun mereka tetap perlu terus berdoa kepada Allah S.W.T. Doa seperti kandungan ayat ke-6 *Surah al-Fatiyah* ini membawa mesej kepentingan memiliki hidayah dan kesedaran berpegang ajaran Islam sepanjang hayat. Huraian mengenai makna *sirat* tidak disentuh Hj. Muhammad Sa'id namun telah dihuraikan dalam pentafsiran seterusnya.

Ayat 7 *Surah al-Fatiyah*:

[٧] ﴿صِرَاطُ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ﴾ [الفاتحة: ٧]

Maksudnya: *Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.*

Hj. Muhammad Sa'id memulakan pentafsiran dengan kenyataan²⁵:

Jalan segala mereka yang telah Engkau nikmat atas mereka itu empat firqah daripada segala anbiya' dan siddiqin dan shuhada' dan solehin.

Untuk memahami ayat ini, beliau menyenaraikan empat *firqah* atau empat kelompok besar kalangan manusia yang beriman yang beroleh *sirat* atau dengan makna nikmat dan petunjuk:

- *Anbiya'*: golongan yang dilantik menjadi Nabi.
- *Siddiqin*: golongan yang benar pada perlakuan zahir dan amalan batin terhadap Allah dan manusia.

²⁴ Ibid, 1, 5.

²⁵ Ibid, 1, 5.

- *Shuhada'*: golongan muslim yang mati di medan pertempuran dengan kafir demi meninggikan agama Islam.
- *Solehin*: golongan yang tidak meninggalkan ketaatan dan tidak melakukan maksiat.

Terdapat dua golongan manusia yang terkecuali daripada mendapat nikmat dan petunjuk kerana krisis akidah yang mereka sendiri cetuskan. Pertama; menerusi ayat *ghair al-maghidhub 'alaihim*, maksud secara khusus ialah golongan Yahudi yang dimurkai Allah S.W.T. Kedua; menerusi ayat *wa al-dhalin*, maksud secara khusus ialah golongan Nasrani yang sesat dan secara umumnya ialah mana-mana golongan yang sesat di kalangan manusia.

Hj. Muhammad Sa'id menyatakan sedemikian dengan menyandarkan kepada pendapat sebahagian ulama bahawa golongan sesat ialah mereka yang memilih jalan batil seperti pengamal ajaran kafir dan golongan munafik. Beliau menyatakan pendapat ini bersesuaian dengan makna menyeluruh *Surah al-Fatihah*.²⁶

5. PERBANDINGAN PENTAFSIRAN AKIDAH DENGAN ALIRAN AL-MA'THUR DAN AL-RA'YI

Pentafsiran akidah *Surah al-Fatihah* dapat dibandingkan dengan *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* susunan Imam Ibn Kathir yang mewakili aliran tafsir *al-ma'thur* dan *Tafsir al-Maraghi* yang mewakili aliran tafsir *al-ra'y*. Kitab karangan Imam Ibn Kathir adalah kitab muktabar yang sering dijadikan rujukan ahli tafsir. *Tafsir Nur al-Ihsan* perlu dikaji apakah mempunyai pendekatan *al-ma'thur* yang serupa. Kitab karangan Syeikh Ahmad Mustafa al-Maraghi merupakan contoh kitab tafsir moden yang banyak menggunakan pendekatan huraian *ijtihad*. Kitab ini juga meraikan pemikiran akidah 'Ashairah yang dipegang oleh Hj. Muhammad Sa'id. Perbandingan yang dilakukan dapat mengesan aspek sejauh mana kesamaan atau perbezaan dalam pentafsiran yang berhubung aspek akidah.

Tafsir al-Qur'an al-'Azim yang dikenali sebagai *Tafsir Ibn Kathir* merupakan rujukan penting aliran tafsir *al-ma'thur*. *Tafsir Ibn Kathir* mengandungi banyak sokongan nas, pendapat *al-Salaf al-Salih*, *sanad* dan *ijtihad* tafsir.²⁷ *Tafsir al-Maraghi* pula adalah contoh tafsir aliran *al-ra'y* yang cenderung memuatkan kaedah rumusan pentafsiran yang terpenting. Kitab ini tidak mementingkan dominasi nas dalam pentafsiran. Syeikh Ahmad Mustafa al-Maraghi merupakan seorang *mufassir* yang

²⁶ Ibid, 1, 5.

²⁷ Al-Zahabi, Muhammad Husain (2000). *al-Tafsir wa al-Mufassirun*. Qahirah: Maktabah Wahbah, Qaherah, 1, 176.

pertama kali memperkenalkan kaedah tafsir yang memisahkan antara hurai menyeru dan hurai sampingan.²⁸

Biarpun terdapat perbezaan dalam pendekatan, namun kedua-dua sampel tafsir ini telah mentafsirkan *Surah al-Fatihah* dengan aspek akidah dengan perbahasan yang bersifat sederhana. Menerusi penelitian fakta kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* yang dibandingkan dengan *Tafsir Ibn Kathir* dan *Tafsir al-Maraghi*, aspek kesamaan dan perbezaan dalam konteks penekanan akidah dapat diungkapkan seperti di bawah:

5.1 Kewajipan Tauhid Kepada Allah S.W.T.

Kitab *Tafsir Nur al-Ihsan*, *Tafsir Ibn Kathir* dan *Tafsir al-Maraghi* masing-masing menekankan kepercayaan kepada Allah S.W.T. selaku Tuhan yang menciptakan seluruh alam. Setiap kitab menekankan kewajipan menyakini kebesaran Tuhan bermula daripada ayat pertama *Surah al-Fatihah*.

Hj. Muhammad Sa'id menyebut segala puji terhadap Allah selaku Tuhan yang menjadikan pelbagai bentuk alam.²⁹ Beliau menyentuh bentuk alam yang dijadikan Allah sebagaimana pentafsiran Imam Ibn Kathir. Dalam kitab *Tafsir Ibn Kathir* menyatakan bahawa alam adalah meliputi daratan dan luatan serta kehidupan manusia dan jin.³⁰

Terdapat perbezaan dalam menjelaskan makna alam dalam pentafsiran Syeikh Ahmad al-Maraghi. Alam ditafsirkan sebagai alam yang dapat dilihat dan direnungi manusia. Meskipun wajib beriman bahawa Allah S.W.T. adalah pencipta sekalian alam, namun Syeikh Ahmad al-Maraghi mentafsirkan ayat pertama *Surah al-Fatihah* adalah membawa mesej agar diimani terlebih dahulu mengenai Allah Yang Maha Pencipta terhadap sesuatu alam yang wujud di hadapan manusia. Beliau menegaskan tuntutan tauhid untuk diamalkan telah bermula daripada permulaan maksud *Surah al-Fatihah*.³¹ Dalam konteks perbandingan ini, *Tafsir Nur al-Ihsan* lebih menekankan tauhid yang menyeru sebagaimana pentafsiran *Tafsir Ibn Kathir*.

5.2 Menghayati Rukun Iman Yang Berkesinambungan Dengan Rukun Islam

Keseluruhan kitab tafsir menekankan penghayatan Rukun Iman dalam konteks kepercayaan terhadap Allah S.W.T. dan kepercayaan terhadap Hari Akhirat. Sebagai

²⁸ Abd. Muin Salim (2010). *Metodologi Ilmu Tafsir*. Yogyakarta: Teras, 41.

²⁹ Muhammad Sa'id bin 'Umar, Hj (1934). *Tafsir Nur al-Ihsan*. Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdiyah wa Auladih, 1, 5.

³⁰ Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'azim*. Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm, 1, 67-68.

³¹ Al-Maraghi, Ahmad Mustafa (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi, 1, 22.

kaedah yang mudah, untuk menunaikan maksud *Surah al-Fatiyah*, maka umat Islam perlu menghayati Rukun Iman. Dengan sendirinya tuntutan *Surah al-Fatiyah* akan dapat diamalkan.

Penghayatan Rukun Iman akan mempengaruhi seseorang itu untuk mengamalkan Rukun Islam. Kedua-dua rukun ini saling berkesinambungan. Apabila seseorang muslim benar-benar bertuhankan Allah S.W.T., ia akan melaksanakan perintah wajib yang terkandung dalam Rukun Islam. Menyedari hakikat ini, *Tafsir Nur al-Ihsan* menyentuh contoh-contoh ibadat yang wajib dilaksanakan menerusi pentafsiran ayat 5 *Surah al-Fatiyah*.³²

Tafsir al-Maraghi sekadar menyentuh hubungkait dengan ibadah solat yang menjadi antara kandungan Rukun Islam. Pentafsiran juga mengingatkan prinsip tauhid ialah percaya kepada Allah S.W.T. dengan irungan perasaan takut, amat berharap dan sedia menyucikan jiwa untuk dipersembahkan kepada Tuhan.³³ Tanpa kelengkapan ini maka ibadat yang difardukan tidak dapat ditunaikan dengan baik.

Penekanan akidah *Tafsir Nur al-Ihsan* mempunyai kesamaan dengan *Tafsir al-Maraghi*. *Tafsir Ibn Kathir* sekadar menekankan kewajipan ‘*ubbudiyah* secara umum tanpa menyebut contoh Rukun Islam.³⁴

5.3 Permohonan Mutlak Kepada Tuhan

Pentafsiran ayat 5 *Surah al-Fatiyah* adalah berhubung dengan seruan dan iktikad permohonan hanya kepada Allah S.W.T. *Tafsir Nur al-Ihsan* menjelaskan maksud permohonan ialah memohon kepada Allah S.W.T. untuk mendapatkan jalan yang benar dan hati yang bersih. Permohonan mestilah di atas prinsip tauhid iaitu percaya secara mutlak kepada Allah Yang Maha Esa. Dia adalah Tuhan yang layak untuk diajukan setiap munajat. Dalam bermunajat, setiap hamba perlu taat dan menjauhi perbuatan yang menyebabkan hati menjadi mati.³⁵

Tafsir Ibn Kathir memulakan pentafsiran dengan mengupas makna kalimah *iiyaka*. Menurut Imam Ibn Kathir, kalimah tersebut membawa maksud perhatian khas adalah milik Allah S.W.T. Perkara ini perlu dihayati manusia ketika melakukan ibadat dan mengajukan sebarang munajat. Tiada yang disembah dan dipohon melainkan Allah S.W.T. semata-mata.³⁶

³² Muhammad Sa'id (1934). *op.cit*, 1, 5.

³³ Al-Maraghi (1946). *op.cit*, 1, 31.

³⁴ Ibn Kathir (2000). *op.cit*, 1, 70.

³⁵ Muhammad Sa'id (1934). *op.cit*, 1, 5.

³⁶ Ibn Kathir (2000). *op.cit*, 1, 70.

Dalam konteks penekanan akidah, *Tafsir Nur al-Ihsan* dan *Tafsir Ibn Kathir* masing-masing mengkehendaki manusia memahami bahawa Allah S.W.T. sebagai tumpuan mutlak. *Tafsir Nur al-Ihsan* menekankan akidah secara rumusan ayat manakala *Tafsir Ibn Kathir* menekankan akidah berdasarkan makna satu persatu yang terkandung dalam ayat.

Tafsir Nur al-Ihsan mempunyai kesamaan pendekatan dengan *Tafsir al-Maraghi* ketika mentafsirkan ayat 5 *Surah al-Fatihah*. Masing-masing menekankan kepentingan mengesakan Allah S.W.T. dan tuntutan membersihkan hati. Meskipun begitu, *Tafsir al-Maraghi* lebih memerincikan soal akidah. Syeikh Ahmad al-Maraghi menyatakan perlu menyembah Allah S.W.T. dengan kemuncak ketundukan hati bersama iktikad bahawa Allah S.W.T. adalah pemerintah yang maha hebat. Walaupun manusia diwajibkan untuk menyembah dan memohon namun akal manusia yang lemah tetap tidak dapat mencapai kehebatan Tuhan Yang Maha Tinggi. Syeikh Ahmad al-Maraghi juga menjelaskan bahawa Allah S.W.T. melarang sebarang amalan syirik dan fahaman bahawa makhluk boleh menunaikan hajat. Syarak mengizinkan manusia saling bantu-membantu namun kuasa yang menentukan dan mengizinkan hanyalah Allah S.W.T.³⁷

5.4 Berpegang Kepada *Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah*

Ketiga-tiga kitab tafsir bersepakat terhadap tiga golongan yang mendapat petunjuk atau nikmat istimewa. Mereka terdiri daripada golongan para Nabi, *Siddiqin* dan *Solehin*. *Tafsir Ibn Kathir* menambah satu golongan iaitu *Shuhada'* berdasarkan dalil ayat 69 *Surah al-Nisa'*. Golongan ini juga disebut dalam pentafsiran *Tafsir Nur al-Ihsan* namun tidak diiringi sumber dalil tersebut.³⁸

Para Nabi, *Siddiqin* dan *Solehin* termasuk *Shuhada'* di kalangan para Sahabat Nabi Muhammad S.A.W. adalah contoh kelompok *Ahl Al-Sunnah Wa al-Jama'ah*. Menurut 'Abd al-Qahir al-Baghdadi, ciri terpenting kelompok mulia lagi benar ini ialah mereka yang berkeyakinan sahih dalam bab keesaan Allah, kenabian, hukum-hakam, yakin terhadap ganjaran pahala dan balasan azab, panduan hukum dan warisan pemerintahan dalam agama. Mereka ini termasuk golongan *mutakallimun* yang bebas daripada *tashbih* dan perkara-perkara *bid'ah* sebagaimana yang diamalkan kelompok *Rawafid*, *Khawarij*, *Jahmiyyah*, *Najjariyyah* dan golongan sesat lain yang mengikuti hawa nafsu.³⁹

³⁷ Al-Maraghi (1946). *op.cit*, 1, 33.

³⁸ Muhammad Sa'id (1934). *op.cit*. 1, 5.

³⁹ Al-Baghdadi, 'Abd al-Qahir (2001). *al-Farq Byn al-Firaq*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 276.

Ketiga-tiga kitab tafsir bersepakat bahawa Yahudi adalah golongan yang dimurkai yang dimaksudkan dalam ayat terakhir *Surah al-Fatiyah*. Dalam mentafsirkan kalimah *wa al-dhalin*, *Tafsir Nur al-Ihsan* seiring dengan *Tafsir Ibn Kathir* dalam menjelaskan maksud kalimah itu adalah ditujukan kepada Nasrani yang sesat daripada petunjuk yang benar.⁴⁰ *Tafsir al-Maraghi* mentafsirkan kalimah *wa al-dhalin* dengan makna umum iaitu mana-mana golongan yang kafir.⁴¹

Untuk menjadi titik kesamaan ketiga-tiga kitab tafsir, dapat dirumuskan bahawa seseorang muslim akan rosak akidahnya dan sudah tentu terkeluar daripada *Ahl Al-Sunnah Wa al-Jama'ah* apabila mengakui kebenaran Yahudi, Nasrani atau bersetuju dengan mana-mana pegangan iktikad selain agama Islam.

6. PENUTUP

Pentafsiran *Surah al-Fatiyah* dalam kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* adalah bersifat sederhana tanpa melibatkan perbahasan akidah yang panjang. Meskipun demikian, Hj. Muhammad Sa'id banyak menekankan perihal akidah dalam setiap ayat *Surah al-Fatiyah*. Terdapat satu sahaja sumber pentafsiran *al-ma'thur* sebagai sokongan pentafsiran beliau. Beliau lebih mengutarkan kaedah tafsir aliran *al-ra'y* menerusi pendekatan:

- a) menterjemahkan kalimah asal daripada ayat *Surah al-Fatiyah*.
- b) mentafsirkan dengan kefahaman akidah berdasarkan zahir dan maksud ayat.
- c) mendatangkan terus rumusan fakta daripada karya tafsir klasik sama ada daripada aliran tafsir *al-ma'thur* atau *al-ra'y*.
- d) mengemukakan ijтиhad tafsir tersendiri tanpa diiringi pendalilan lanjut.

Penekanan akidah dalam kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* mempunyai banyak kesamaan fakta daripada kitab seperti *Tafsir Ibn Kathir* dan *Tafsir al-Maraghi*. Kitab-kitab ini mengutamakan penekanan akidah yang mudah difahami dan dihayati orang awam iaitu dalam penerangan asas akidah Islam. Pentafsiran tidak memfokuskan terhadap tema fiqh atau tasawwuf dalam kebanyakan pentafsiran ayat *Surah al-Fatiyah*. Hj. Muhammad Sa'id didapati menggunakan pendekatan yang sama untuk menumpukan perhatian dalam aspek akidah.

Pentafsiran *Surah al-Fatiyah* memaparkan mesej bahawa pujian, harapan, ibadat dan perlindungan adalah wajib ditujukan secara mutlak kepada Allah S.W.T.

⁴⁰ Muhammad Sa'id (1934). *op.cit.* 1, 5.

Ibn Kathir (2000). *op.cit*, 1, 74.

⁴¹ Al-Maraghi (1946). *op.cit*, j.1, 38.

Tiada keharusan untuk menghalakan sebarang iktikad kepada selain-Nya. Untuk merealisasikan mesej *Surah al-Fatihah*, formula mudah ialah perlu berpegang teguh kepada Rukun Iman. Perkara ini ditekankan dalam pentafsiran ayat 1, ayat 2, ayat 3 dan ayat 4 *Surah al-Fatihah*.

Untuk kesempurnaan akidah, umat Islam perlu memahami ayat 5 *Surah al-Fatihah* menyeru agar segala ibadat dan permohonan hanya ditujukan kepada Allah. Sama sekali tidak diizinkan kepada selain-Nya. Pentafsiran ayat 6 dan 7 *Surah al-Fatihah* mendedahkan kepentingan orang-orang yang beriman untuk sentiasa mendambakan petunjuk Ilahi agar sentiasa istiqamah di atas jalan yang lurus. Maksud jalan yang lurus ialah beramal dengan Islam. Dalam pada itu, umat Islam perlu berwaspada daripada terjebak menjadi golongan manusia yang dimurkai Tuhan seumpama Yahudi dan golongan sesat seperti Nasrani serta mana-mana anutan kafir lagi menyimpang daripada akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

RUJUKAN

- [1] Al-Qur'an al-Karim
- [2] Al-Baghdadi, 'Abd al-Qahir (2001). *al-Farq bayn al-firaq*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- [3] Al-Maraghi, Ahmad Mustafa (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- [4] Al-Razi, Fakhruddin Muhammad bin Umar bin Husain (2014). *al-Mahshul fi 'ilm ushul al-fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- [5] Al-Zahabi, Muhammad Husain (2000). *al-Tafsir wa al-mufassirun*. Qahirah: Maktabah Wahbah, Qaherah.
- [6] Abd. Muin Salim (2010). *Metodologi ilmu tafsir*. Yogyakarta: Teras.
- [7] Abdullah Muhammad Basmeih, Syeikh (1994). *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran*. c.11. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- [8] Hamza Muhammad @ Hamdan (2005). *Metodologi Muhammad Sa'id 'Umar dalam tafsir al-Qur'an: suatu kajian terhadap Tafsir Nurul Ihsan*. Disertasi Ijazah Sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- [9] Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'azim*. Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm.

- [10] Ismail Yusof (1995). *Perkembangan pengajian dan penulisan tafsir di Malaysia*. Tesis doktor falsafah. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- [11] Mohd Nazri Ahmad & Mohd Faizulamri Mohd Saad (2018). *Metodologi Muhammad Sa'id Umar terhadap periyawatan hadith-hadith asbab al-nuzul dalam Tafsir Nurul Ihsan*. Jurnal al-Turath. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Vol. 3, no. 1: e-ISSN 0128-089912. <http://spaj.ukm.my/jaliturath/index.php/jaliturath/article/view/5> (diakses pada 6 Jun 2021).
- [12] Mohd Sholeh Sheh Yusuff (2014). *Pengaruh Tafsir al-Baghawi dalam Tafsir Nur al-Ihsan: satu pendekatan genetik*. Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. ISSN 2302-5808. Vol.2(2).
- [13] Mohd Sholeh Sheh Yusuff (2014). *Tafsir Nur al-Ihsan oleh Syeikh Muhammad Sai'd: suatu kajian bandingan*. Tesis doktor falsafah. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- [14] Mohd Sholeh Sheh Yusoff, Mohd, Nizam Sahad & Siti Hajar Che Man (2014). *Tafsir Nur al-Ihsan oleh Syeikh Muhammad Sa'id: suatu bacaan intertekstual*. Kuala Lumpur: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [15] Muhammad Sa'id bin 'Umar, Hj (1934). *Tafsir Nur al-Ihsan*. Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdiyah wa Auladih.
- [16] Rabiah Abdul Rahman, Kauthar Abd. Kadir & Abdulloh Salaeh (2019). Metodologi Syeikh Muhammad Said Bin Umar dalam mentafsirkan ayat mutashabihat di dalam Kitab Tafsir Nur Al-Ihsan: satu kajian analisa. Jurnal Sains Insani. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia. eISSN:0127-7871.
- [17] <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/77> (diakses pada 6 Jun 2021).
- [18] Wan Mohd Shaghir Abdullah (2009). *Koleksi ulama Nusantara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- [19] Zulkifli Hj Mohd Yusoff & Hamza Muhammad (2005). *Biografi Haji Muhammad Said dan sejarah penulisan Tafsir Nur al-Ehsan*. Universiti Malaya: Al-Bayan: Journal of al-Quran & al-Hadith.